

BH Rabu, 11 Februari 2026

Bisnes

Dagangan borong, runcit cecah RM1.87 trilion 2025

Pencapaian cerminan permintaan kukuh, berterusan dalam segmen e-dagang

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Perdagangan borong dan runcit Malaysia mencatat jumlah jualan bulanan RM163.7 bilion pada Disember 2025, meningkat 7.6 peratus tahun ke tahun dan ini menyumbang kepada jumlah jualan tahunan sebanyak RM1.87 trilion pada 2025, mewakili pertumbuhan tahunan 5.6 peratus.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata bagi keseluruhan 2025, perdagangan runcit berkembang 6.1 peratus kepada RM811.5 bilion, perdagangan borong meningkat 5.8 peratus kepada RM827.4 bilion, manakala subsektor kenderaan bermotor naik 3.2 peratus kepada RM226.1 bilion.

Menurutnya, peningkatan jualan pada Disember didorong terutama oleh subsektor perdagangan borong dan perdagangan runcit.

Perdagangan borong merekodkan jumlah jualan sebanyak RM71.1 bilion, meningkat RM4.6 bilion, bersamaan dengan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 6.9 peratus, manakala



perdagangan runcit pula mencatat jumlah jualan RM70.4 bilion, naik RM4.6 bilion, dengan pertumbuhan tahun ke tahun 6.9 peratus.

“Sementara itu, subsektor kenderaan bermotor mencatat jumlah jualan sebanyak RM22.3 bilion, meningkat RM2.4 bilion, bersamaan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 12.2 peratus,”

katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Jualan dalam talian meningkat

Mohd Uzir berkata, jualan runcit dalam talian terus meningkat pada Disember, dengan indeks jualan naik 8.9 peratus tahun ke tahun, berbanding 7.3 peratus pada bulan sebelumnya.

Prestasi ini, katanya mencerminkan permintaan yang kukuh dan berterusan dalam segmen e-dagang.

Aktiviti pembayaran digital terus mencatatkan momentum pertumbuhan pada Disember, dengan transaksi e-dompet naik 64.2 peratus tahun ke tahun kepada RM29.4 bilion, sekali gus menjangkakan peningkatan penggunaan pembayaran tanpa tunai.

Platform pembayaran runcit masa nyata (RPP) mengekalkan prestasi kukuh dengan jumlah transaksi mencecah RM362.3 bilion.

Transaksi FPX meningkat 20.6 peratus kepada RM42.2 bilion, manakala transaksi kad kredit dan kad debit masing-masing berjumlah RM21.4 bilion dan RM15 bilion.



Perdagangan runcit berkembang 6.1 peratus kepada RM811.5 bilion, perdagangan borong meningkat 5.8 peratus kepada RM827.4 bilion

Mohd Uzir Mahidin,
Ketua Perangkawan